



FENOMENA KEPERCAYAAN DAN AMALAN MASYARAKAT DALAM PERUBATAN ISLAM DI MALAYSIA

Ahmad Najaa' Mokhtar^{1*}, JahidHj. Sidek², Muhammad Khairi Mahyuddin³,
Abdul Rahim Zumrah⁴, Mahyuddin Ismail⁵, Rosidayu Sabran⁶,
Mohd Rumaizuddin Ghazali⁷

¹ Pensyarah Pengajian Akidah dan Agama, Universiti Sains Islam Malaysia

² Pengasas Pusat Rawatan Islam MANARAH

³ Pensyarah Pengajian Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia

⁴ Pensyarah Pengajian Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia

⁵ Pensyarah Jabatan Sains Kemanusiaan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

⁶ Pensyarah Jabatan Sains Kemanusiaan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

⁷ Pensyarah Pengajian Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia

*Corresponding author: najaa@usim.edu.my

Received 13 August; Accepted 29 October 2018

Available online 22 December 2018

ABSTRACT

The human will always expose with various diseases. In nature, they will find a suitable medicine for the particular disease. They can get the medicine either from the conventional medical center such as clinic or hospital, or through the alternative medical center such as the Islamic medical center or etc. In the Malaysian context, the Muslim community preferred to choose the Islamic medical approach to cure the disease, especially after they failed to recover from the treatment given by the conventional medical center. This study was conducted to describe the concept of Islamic medicine from the perspective of Islamic Akidah and Sharia. This study believes that the Islamic Akidah and Sharia should be the foundation for the Islamic medical approach, which has been ignored by the few Islamic Medical Center. This study also was conducted to identify the method and the implementation of Islamic medical at the Islamic Medical Center. To answer the previous objectives, a case study has been conducted. The case study was analyzed based on Al-Quran, hadis and the opinion of the Islamic scholars. The data for this study was collected from 24 Islamic Medical Center in Selangor. This study reveals that the of Islamic medical still needs for standard guideline to ensure the professionalism in this field.

Keywords : Islamic medical , Conventional medical , Akidah , Sharia , and Implementation.

PENDAHULUAN

Dalam mengharungi kehidupan masakini, kita dapati bahawa teknologi mengambil tempat yang terhebat dalam pelbagai sudut kehidupan kita. Dengan kepesatan pembangunan teknologi, dunia menjadi bertambah maju dan peralatan semakin canggih. Di antara kemajuan teknologi ialah dalam bidang perubatan konvensional. Pelbagai peralatan perubatan diperbaharui dari masa ke semasa hingga kini berada pada tahap yang amat membanggakan dan terbaik. Kemajuan dalam bidang perubatan konvensional tersebut, sedikit sebanyak menyumbang pada pembangunan dan perkembangan perubatan Islam.

Dahulu, perubatan Islam dikenali sebagai perubatan klasik yang hidup selari dengan masyarakat Islam. Bacaan ayat al-Quran, doa atau *ruqyah* adalah antara kaedah yang dilakukan bagi tujuan perubatan selain dari kaedah makanan, minuman, mandian, pukulan dan sebagainya. Kaedah tersebut masih digunakan dan berkembang maju. Namun begitu, perubatan Islam tersebut tercabar dengan kehadiran pengamal perubatan yang palsu dan tidak bertanggungjawab. Lunas-lunas Islam dianggap remeh dan ringan, mungkin disebabkan oleh kejahilan dan ketamakan untuk kesenangan dalam kehidupan yang sementara ini. Sudah pasti kesemua itu diperhitungkan pada Hari Pembalasan.

Oleh itu, kajian ini adalah berkaitan dengan kepercayaan dan amalan pengamal perubatan Islam yang merawat dengan menggunakan kaedah tertentu yang bertentangan akidah dan syariah Islam.

Definisi Perubatan

Menurut dewan bahasa dan pustaka edisi keempat, perubatan bermaksud perihal berubat yang berkaitan dengan ubat atau usaha mengubati. Kemudian dalam Ensiklopedia Islam edisi kedua pula perubatan bermaksud rawatan perubatan dalam dunia Islam adalah pelbagai, dengan bermacam amalan mengikut keperluan yang berbeza dan kadang-kadang bercampur. Menurut Dr. Zuklifli Al-Bakri perubatan pada istilah ada beberapa pendapat, pendapat pertama daripada Ibn Rusyd perubatan bermaksud Ilmu berkenaan keadaan badan manusia dari sudut kesihatan dan kerosakannya. Kedua Ilmu berkaitan tubuh badan manusia yang menjaga kesihatan dan menolak kemudaratanya menurut pendapat Jali Nius dan Daud al-Amtaki. Ketiga menurut pendapat Ibn Sina perubatan dapat diistilahkan sebagai Ilmu yang dikenali hal ehwal badan manusia dari

sudut kesihatan dan sebaliknya untuk memelihara kesihatan supaya terhasil (al-Bakri 2011).

Ibn Hajar membahagikan sains perubatan kepada dua iaitu perubatan fizikal (*Tibb Jasadi*) dan perubatan spiritual (*Tibb Qalb*). Ibn Hajar juga sangat memuji nilai dan kegunaan perubatan serta menekankan kepentingan utama bagi *Tibb Jasadi* dan *Tibb Qalb*, kerana kedua-dua ini sangat berkait rapat. Terdapat hubungan yang sinbiotik antara kedua-dua jenis ilmu perubatan tersebut. Salah satu akan mustahil untuk mencapai satu bentuk sains perubatan sekiranya tanpa yang lain (Deuraseh 2006). Ini menunjukkan bahawa kedua-dua elemen ini sangat berkait rapat dan melengkapi antara satu sama lain.

Pada kebiasaannya, apa yang masyarakat hari ini fahami dengan perubatan adalah apa-apa penyakit yang memerlukan untuk dirawat sama ada di hospital, klinik atau farmasi dan juga pusat-pusat rawatan termasuk pusat perubatan Islam. Dalam erti kata lain, sebarang tindakan untuk menghalang dan merawat daripada sebarang penyakit.

Konsep Perubatan Islam dan Konvensional

Konsep asas bagi perubatan Islam iaitu, penyembuhan penyakit adalah daripada Allah Swt., (Amalan Pengubatan dan Perbomohan Menurut Islam 2012) dan meyakini setiap penyakit ada ubatnya. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud :
 “Allah tidak turunkan penyakit kecuali diturunkannya penyembuh” (Abu Daud 1999).

Baginda Saw., bersabda lagi yang bermaksud :

“Setiap penyakit ada ubatnya. apabila berbetulan ubat dengan penyakit, nescaya sembuh dengan izin Allah s.w.t.” (Muslim, n.d).

Allah adalah penyembuh bagi penyakit. Para doktor dan ubat-ubatan adalah merupakan alat-alat untuk menyembuh penyakit (Ibrahim, 1992). Hal ini dijelaskan di dalam al-Quran melalui kisah Nabi Ibrahim AS, mafhumnya :

“Apabila aku sakit, maka Ia (Allah) menyembuhku” (al-Syu’ara’: 80).

Konsep inilah yang perlu dipegang oleh pengamal perubatan Islam dan pesakit tanpa sebarang keraguan. Yang pastinya pengubatan yang dilakukan tidak melanggar akidah dan hukum syarak. Hal ini diselaraskan dengan kaedah-kaedahnya seperti penggunaan ayat-ayat al-Quran, selawat, zikir, dan doa yang tidak bercanggah dengan dalil al-Quran, al-Sunnah, amalan Salaf soleh dan ulama muktabar juga bacaan yang boleh difahami bahasa dan maksudnya. Tidak dinafikan, ayat-ayat al-Quran dan hadis-

hadis Rasulullah Saw., yang menyerupai doa sering dibaca secara berjemaah mahupun persendirian bagi merawat orang-orang yang sedang menderita kesakitan (Abu Bakar1999).

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1957) dalam kitab *al-Tibb al-Nabawi* menegaskan bahawa Rasulullah Saw., telah menggunakan tiga asas ubatan untuk merawat pelbagai penyakit seperti, bahan semulajadi, ketuhanan dan gabungan daripada kedua-duanya. Setiap daripada penyakit mempunyai cara penyembuhan yang tersendiri yang telah dianjurkan oleh nabi dengan berasaskan tiga ubatan tersebut. Sebagai contoh Rasulullah telah minum campuran air kosong dengan madu semasa perut kosong. Ianykuala lumpura merupakan rahsia yang indah bagi memelihara kesihatan. Rasulullah s.a.w bersabda:

“Menggunakan dua penawar : Madu dan Al-Quran “ (Ibn Majah, n.d).

Antara panduan kaedah untuk merawat yang telah dianjurkan oleh Rasulullah saw dalam sabdanya:

“Tiga kaedah ubat, minum madu, berbekam dan bakar dengan api, tetapi aku berpesan kepada umat agar seboleh-bolehnya tidak menggunakan kaedah bakar dengan api” (Al-Bukhari 1999).

Kedua-dua cara perubatan yang dianjurkan oleh Rasulullah Saw., itu juga menunjukkan kepada kita kesembuhan dengan berikhtiar dan pergantungan kepada Allah Swt.

Penyakit yang menyerang kepada seseorang itu pelbagai dan ada yang menyerang secara rohani dan ada juga yang menyerang secara fizikal. Penyakit-penyakit ini perlu diberi perhatian oleh perawat supaya akidah pesakit dapat dijaga dengan baik. Oleh itu, ada beberapa ketetapan lain untuk merawat yang perlu dilakukan oleh perawat perubatan Islam supaya tidak lari dan mencemarkan konsep asal dalam perubatan seperti, memulakan rawatan dengan menyebut nama Allah Swt., dan bertahmid terlebih dahulu (Abu Bakar, 1999) untuk membuktikan kita sebagai hamba hanya berharap kepadaNya.

Rasulullah Saw., bersabda:

“Apabila seorang daripada kamu berdoa, hendaklah dimulainya dengan bertahmid dan memuji Allah kemudian ke atas Nabi Saw., dan seterusnya berdoa dengan maksud hajat dan permohonanNya” (Ahmad 2001).

Selain itu, tidak menggunakan bahan-bahan yang haram, tidak menggunakan bahan yang kotor dan najis, rawatan yang tidak mendatangkan mudarat, tidak menggunakan sihir, khurafat, tangkal azimat, jampi mentera dan juga tidak melibatkan

mahluk halus, jin, syaitan dan iblis (Harmy Mohd Yusoff 2011). Perkara ini ada disebut dalam hadis riwayat Abu al-Darda, Rasulullah Saw., bersabda:

“Sesungguhnya Allah menjadikan pada setiap penyakit itu ada ubatnya, maka hendaklah kamu berubat tetapi jangan berubat dengan menggunakan benda-benda yang haram”. (Al-Bukhari 1999).

Perawat juga tidak boleh meletakkan harga tertentu kepada pesakit dan memaksa mereka untuk membeli barangan yang ditawarkan untuk merawat penyakit serta cara rawatan yang tidak menimbulkan fitnah seperti memukul dan membawa mudarat kepada pesakit. (Amalan Pengubatan dan Perbomohan Menurut Islam 2012).

Dapatlah kita fahami bahawa perubatan Islam itu tiada salahnya apabila konsep yang dipegang dan kaedah yang digunakan tidak mengundang syirik kepada Allah Swt., dan mempunyai matlamat yang jelas serta berteraskan wahyu dan tauhid kepada Allah Swt. Ahli sejarah perubatan berbangsa Inggeris iaitu Charles Singer juga mengakui bahawa orang-orang Islam mementingkan keterlibatan kepada Allah dan keimanan dalam amalan perubatannya dan kerana kuat pegangan agamanya (Taha 1992).

Jika dilihat nasib perubatan konvensional pada hari ini, masih belum wujud sebarang konsep yang tersendiri dalam perubatan mereka. Konsep kesihatan bagi perubatan konvensional hanya tertumpu kepada kebendaan sahaja kerana menekankan kesihatan jasmani manusia. Konsep ini tidak membicarakan kesihatan keagamaan atas dasar bahawa apa-apa yang dinamakan roh dan kerohanian itu seolah-olah tidak wujud dan tidak diberi perhatian. Hal ini kerana roh tidak tunduk dibawah ujian dan percubaan-percubaan makmal.

Dengan kepelbagaian teknik dan alatan canggih menjadikan perubatan konvensional seolah-olah mampu menyembuhkan segala jenis penyakit. Apa yang boleh difahami dengan perubatan konvensional ialah perubatan yang bergantung kepada penggunaan ubat-ubatan dan kapsul serta alatan moden dan canggih yang boleh membantu pesakit dalam merawat penyakit yang dihidapi.

Bidang perubatan konvensional terbahagi kepada dua iaitu ubat dan pembedahan. Ubat atau internal medicine merupakan perubatan yang berhubung dengan diagnostik, pengurusan dan penyakit luar biasa atau serius. Ubat ini mengambil berat mengenai penyakit-penyakit yang menjejaskan badan secara menyeluruh atau perubatan bukan bedah seperti, Cardiologi, Hematology, Hepatology dan sebagainya. Pembedahan pula, merupakan perubatan yang mengubati penyakit atau luka secara manual serta peralatan

untuk merawat keadaan penyakit atau kecederaan. Sebagai contoh general surgery, trauma surgery, vascular surgery dan lain lagi (Ho, n.d.).

Perubatan konvensional juga adalah salah satu bentuk rawatan yang dikira menepati syarak dan diganjar pahala pengamalannya. Ia bergantung sekiranya para doktor yang merawat pesakit bergantung dan mengharapkan keredaan Allah Swt., Tambahan pula, bidang perubatan konvensional pada zahirnya mampu mengubati penyakit yang kritikal dan ianya dapat menyelamatkan banyak nyawa. Hal ini perawat dan pesakit perlu sedar dan yakin bahawa kesembuhan yang sebenar adalah daripada Allah Swt., bukan daripada kecanggihan sesuatu alat atau teknologi.

Apa yang boleh dikatakan di sini, segala amalan perubatan tidak boleh lari daripada aspek akidah, syariah, akhlak dan sebagainya. Said Hawa dalam *Ufuk Risalah Taklim*, “Ulama fiqh berpendapat, mengimani Islam secara keseluruhannya adalah syarat sahnya Islam seseorang. Ia juga adalah syarat sahnya ucapan dua kalimah syahadah.” Menurut Dr. Danial Zainal Abidin, berdasarkan pernyataan di atas Sesiapa yang tidak mengimani Islam secara keseluruhan, dengan maksud tidak mengimani Islam sebagai akidah, ibadah, dan sistem hidup yang merangkumi seluruh permasalahan mukalaf sama ada yang berkaitan dengan urusan dunia ataupun akhirat maka hukumnya adalah kafir. (Abidin 2015) Oleh itu, kita sebagai manusia yang beragama Islam perlu menjadikan agama Islam sebagai penanda aras dalam kehidupan harian termasuklah dalam amalan perubatan.

Akidah dan Syariah serta Hubungannya dengan Perubatan Islam

Akidah dari segi bahasa bererti simpulan atau ikatan pada suatu benda, iaitu seperti tali yang disimpulkan supaya menjadi kemas dan kuat. Akidah ialah Iman. Iman ialah *tasdiq* (membenarkan dengan hati) yang pasti dan menepati kenyataan yang lahir daripada dalil. Jadi, berpegang kepada Akidah Islam yang benar adalah kewajipan bagi setiap muslim. Dalam hal berubat dan merawat akidah perawat dan pesakit sangat penting. Bagi seorang perawat mestilah mempunyai nilai hidup yang berasaskan landasan agama. (Mazni Nawi 2011) Perawat mestilah seorang yang rendah diri dan menjauhi sifat sombong serta angkuh. Selain itu, perawat mestilah menjaga solatnya, puasa dan amal ibadah yang lain. Hal ini menjadikan perawat tunduk kepada Allah dan sentiasa bergantung harap padaNya. Bagi pesakit pula, aspek akidah perlu diberi penekanan

supaya, pesakit tidak mengharapkan perawat untuk menyembuhkan sakit tetapi keyakinan akan kesembuhan penyakit adalah datang daripada Allah Swt.

Menurut Dr. Hj. Jahid Sidek, dalam Akidah Ahli Sunah Waljamaah, terdapat tiga perkara yang berhubung kait dengan penyakit dan cara penyembuhannya. Pertama iaitu Sabab, kedua *Musabbab* dan ketiga *Musabib al-Asbab*. Kita juga perlu meyakini bahawa penyakit yang kita hidapi itu datang daripada Allah Swt., buat hambanya untuk diuji dan takdir daripada-Nya Allah Swt., berfirman:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya: "Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya" (Al-Baqarah: 286).

Menurut beliau lagi, dalam aspek rawatan dan kesembuhan, kita hendaklah menggunakan kaedah yang sama bahawa rawatan, ubat-ubatan yang menyebabkan sembuhnya penyakit adalah semata-mata usaha ikhtiar dan langkah mentaati Allah kerana setiap yang sakit wajib berubat. Dalam Akidah Ahli Sunah Waljamaah, kita diwajibkan mengadakan sebab yang kadang-kadang disebutkan dengan istilah syarat. Apabila kita telah mengadakan sebab atau pun syarat yang ditentukan, kita tidak boleh memandang atau bergantung kepada sebab atau syarat, tetapi hendaklah kita memandang dan berpegang kepada *musabib al-asbab* iaitu kudrat dan iradat Allah. Selain itu, penyakit juga adalah salah satu daripada Bala' yang dikehendaki oleh Allah dan mesti kita hadapi dengan penuh kesabaran, kerelaan dan reda (Jahid, 2012). Firman Allah dalam al-Quran:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ. الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ.

Maksudnya: Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali" (al- Baqarah: 155-156).

Syariah pula, apa yang boleh kita fahami disini adalah, hukum atau aturan yang telah ditetapkan oleh Allah Swt., yang meliputi seluruh aspek kehidupan termasuklah perubatan Islam. Dalam aspek ini, perawat dan pesakit tetap perlu menjaga syariat seperti, menjaga aurat, bersentuhan dengan sengaja tanpa sebab dan sebagainya. Hal ini, perlu dijaga supaya proses rawatan itu sentiasa dalam lindunganNya.

Apabila kita telah diserang sesuatu penyakit, kita juga mesti mempunyai satu pegangan yang kuat dalam mencari penawar untuk kesembuhan. Kaedah yang digunakan untuk proses merawat juga perlu diambil kira supaya tidak mengambil atau menggunakan perkara yang haram dan melanggar syariat yang ditetapkan oleh Allah Swt., Sebagai contoh menggunakan khidmat bomoh pawang, menggunakan jin, percaya dengan tangkal azimat dan sebagainya. Perkara-perkara ini ternyata telah melanggar syariat Islam dan boleh jatuh kepada syirik.

Kita sebagai umat Islam perlulah meningkatkan amal ibadah di samping perbanyakkan doa memohon pertolongan daripada Allah dan sabar apabila diuji dengan penyakit yang pelbagai. Allah Swt., berfirman:

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ. الَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُمْ مُلَاقُوا رَبِّهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَاجِعُونَ

Maksudnya: "Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan sabar dan solat. Dan sesungguhnya hal itu sangat berat, kecuali bagi orang-orang yang khusyuk, (iaitu) orang-orang yang menyakini, bahawa mereka akan menemui Rabb mereka dan bahawa mereka akan kembali kepadaNya" (al- Baqarah: 45-46).

Jelaslah disini bahawa, dalam aspek perubatan juga, kita mestilah berhati-hati dan tidak melanggar akidah dan syariah yang ditetapkan oleh Allah Swt., Merawat secara semberono tanpa ilmu dan menilai hukum adalah tidak bertepatan sama sekali. Sihat itu bukan sahaja dilihat hanya pada zahir, malah secara rohani juga perlu dititik beratkan.

Kepercayaan dan Amalan Masyarakat Islam terhadap Perubatan Islam di Malaysia

Tidak dapat dinafikan lagi, penyakit-penyakit berbahaya semakin menular dalam kalangan masyarakat hari ini. Semua penyakit ini memerlukan kos rawatan yang tinggi bagi mengubatinya. Hal ini menyebabkan ramai dalam kalangan kita mula mengambil kesempatan untuk membuka pusat rawatan tersendiri bagi mereka mampu merawat penyakit parah yang dihidapi pesakit. Maka tidak hairanlah, pusat perubatan yang dinamakan "pusat perubatan Islam" kini semakin bertambah tahun demi tahun.

Tambahan pula, masyarakat yang kita lihat hari ini telah banyak berubah dalam aspek corak kehidupan mereka, yang mana menunjukkan sikap positif yang menjurus ke arah keagamaan atau lebih mudah difahami ke arah Islam.

Dalam kesibukan mencari pusat perubatan yang terbaik, kita tidak boleh lupa akan kesihatan dan penyakit yang berlaku pada diri adalah datangnya daripada Allah Swt., sebagai ujian. Jadi bagi merawat penyakit tersebut kita mestilah mengharap Allah jua yang menyembuhkannya. Tidak menjadi masalah kepada masyarakat Islam pada hari ini untuk mempercayai pusat-pusat rawatan yang berimej akan Islam, tetapi kita juga perlu teliti akan ketelusan dan kebersihannya dalam merawat sesuatu penyakit. Ini kerana, rawatan penyakit bukan hanya untuk merawat penyakit secara fizikal, malahan lebih kepada rohani yang mana, penggantungan kita terhadap Allah Swt.

Menurut laporan berita harian, jumlah pesakit di Hospital Kuala Lumpur mencecah seramai tiga ribu orang pesakit dalam satu masa (Berita Harian 2015). Jumlah ini cukup besar untuk dirawat. Dengan jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital semakin meningkat kini, telah meransang pertumbuhan pusat perubatan Islam di serata negeri. Dalam setiap negeri dianggarkan minimum tiga buah pusat perubatan Islam di setiap daerah di Selangor. Pusat-pusat rawatan ini ada didaftarkan di bawah nama pertubuhan atau persatuan, ada juga berteraskan syarikat perniagaan atau premis tertentu atau kediaman peribadi, serta ada juga yang bergerak solo dan berkumpulan tanpa menggunakan premis. Berikut antara pusat perubatan Islam yang terdapat di Malaysia. Antaranya ialah Darussyifa' yang merupakan pusat perubatan Islam yang paling banyak cawangannya di Malaysia. Selain itu Pusat Rawatan Islam Manarah, Darul Ruqiyah, Pusat Rawatan Ruhaniyah, NISMAD, AKRINE, Pusat Rawatan terapi al-Quran Darul Hikmah, Pusat rawatan al-Syakirin, Pusat Rawatan Islam Al-Afiah, Sinar Zamdurrani, Rawatan Islam al-Ansari, Pusat Rawatan Islam wan Zawawi dan lain-lain lagi yang akan diperincikan di bawah.

Semua pusat rawatan ini amat terkenal dengan kaedah dan perkhidmatan yang tersendiri bagi merawat pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan. Jadi kaedah dan perkhidmatan inilah yang akan diteliti bagi memastikan perawat dan pesakit tidak terlibat dengan sebarang kesalahan dalam aspek Akidah dan Syariah. Kedua aspek ini amatlah penting untuk dititikberatkan dalam perubatan Islam bagi menjamin kemurnian Islam terpelihara. Berikut disenaraikan beberapa pusat perubatan Islam di seluruh Malaysia serta perkhidmatan dan kaedah yang diberikan kepada pesakit.

5.1 Pusat rawatan Islam Darussyifa'

Pusat rawatan ini menggunakan dengan cara yang teratur dan tersusun ayat-ayat al-quran, amalan sunnah Rasulullah Saw., dan kaedah-kaedah lain yang selaras dengan syarak dalam tujuan mencari ikhtiar untuk merawat pesakit samada secara fizikal ataupun spiritual. Dalam konteks rawatan,perawat perlu mengamalkan bacaan-bacaan tertentu seperti bacaan ayat-ayat al-Quran seperti Surah Yasin. Selain itu, bacaan *ruqyah* juga diamalkan. *Ruqyah* terbahagi kepada tiga iaitu *ruqyah* asas pertama yang merangkumi penawar seribu guna (surah al-Fatihah), ayat keagungan (ayat Kursi), ayat pemecah dan kesuburan, ayat perangsang selera, ayat pemecah kebuntuan, doa penghilang kesakitan, *ruqyah* Jibril, doa penyakit-penyakit mata, doa *'ilaj ilahi* dan doa penerang hati. *Ruqyah* asas kedua pula meliputi, ayat pemecah, ayat pelembut hati, ayat pendamaian, ayat mendapat zuriat, ayat dan doa selusuh, tujuh *syifa'*, ayat mencari dan mengembalikan orang yang hilang, doa mengembalikan yang hilang, doa mengatasi sukar tidur, doa mengatasi penyakit rumit, doa bertemu jodoh, doa penyejuk dan doa mengatasi kerungsingan. Dan terakhir *ruqyah* asas ketiga terdiri daripada *al-muawwizat*, ayat pembatal sihir, ayat penunduk sihir, ayat pendinding daripada sihir, ayat pendinding daripada syaitan, ayat perlindungan daripada syaitan, *ruqyah* nabawiyah, doa menghindar syaitan, doa menghindar hasutan syaitan dan doa menghindar gangguan syaitan. Kemudian perkhidmatan yang diberikan adalah percuma, bergantung kepada pesakit untuk menderma di tabung Darussyifa'. (Darussyifa', n.d.)

5.2 Pusat Rawatan Islam Darul Ruqiyyah

Pesakit yang datang di pusat ini perlu diperiksa (*scan*) terlebih dahulu dan jika terlalu uzur waris keluarga sahaja yang perlu berjumpa perawat. Di pusat ini, kaedah rawatan saka adalah melalui terapi air.Selain itu terdapat tiga kaedah rawatan untuk merawat seperti *ruqyah* iaitu melalui bacaan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa *ma'thurat*. Terdapat dua jenis ayat amalan, ayat amalan pertama iaitu Istighfar 100 kali sehari , La ilaha illallah 100 kali sehari, selawat 100 kali sehari, *Basmalah* 6 harakat 20 kali selepas solat kemudian tarik nafas beserta niat dan telan air liur. Ayat amalan kedua seperti membaca surah al-Isra' ayat 70 sebanyak 20 kali setiap kali selepas solat fardhu 5 waktu dan dibuat selama 10 hari. Jumlahnya sebanyak 1000 kali. Kemudian perlu dijadikan zikir harian walaupun telah sembuh. Selain itu ada juga zikir amalan iaitu daripada Surah Yaasin ayat ke 9. Setelah baris pertama dibaca, niatkan untuk pendinding

di hadapan. Setelah baris kedua dibaca, niatkan untuk pendinding di belakang. 20 kali setiap kali solat 5 waktu, juga dibuat selama 10 hari. Jumlahnya sebanyak 1000 kali serta dijadikan zikir harian walaupun telah sembuh.

Selain itu kaedah rawatan melalui beberapa bahan seperti madu, air zam-zam Habbatussauda' dan bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan. Solat-solat sunat turut dilakukan seperti solat berjemaah, solat Taubat, solat Hajat, solat Tasbih, solat Tahajjud, solat Duha dan solat Witir. Proses rawatan pula adalah seperti berikut. Pertama jumpa perawat kemudian scan setelah itu ambil ubat. Kedua jampi kemudian di beri cd *ruqyah* dan ambil ubat. Ketiga jampi kemudian baca ayat amalan 1 dan ambil ubat. Keempat jampi kemudian jumpa perawat dan diperiksa (*scan*) setelah itu melawat rumah. Kelima jampi kemudian baca ayat amalan 2 dan ambil ubat. Keenam jampi kemudian baca ayat *ruqyah* 1 dan ambil ubat. Ketujuh jampi kemudian jumpa perawat, diperiksa (*scan*), ambil ayat *ruqyah* 2, ambil ubat, jampi dan ambil ubat. Pusat rawatan ini tidak mempunyai caj rawatan atau ubat serta kaedah penggunaan (bahan bergantung keperluan untuk pesakit ulangan) (Darul Ruqiyah, n.d.).

5.3 Perubatan Dan Rawatan Islam Fiqrullah

Perubatan akan dilakukan selepas solat Maghrib. Perawat menggunakan ayat al-Quran, doa yang *ma'thur* dan zikir. Selain itu, menggunakan lada hitam, daun bidara dan limau purut (mengikut keperluan). Pesakit diberi minum air yg dibaca ayat quran dan zikir (jika masih terdapat gangguan akan dibawa peringkat kedua). Perawat pula akan membaca ayat-ayat al-Quran dengan kuat di telinga pesakit sambil memegang kepala. (jika masih terdapat gangguan akan dibawa ke peringkat ketiga). Kemudian pesakit dibaca dengan beberapa ayat-ayat al-Quran tambahan. Pesakit juga akan dimandikan (sekiranya perlu) dan dirawat sehingga pulih. Pesakit perlu membuat rawatan susulan sekurang-kurangnya 3 kali. Pusat ini akan mengenakan caj mengikut perkhidmatan seperti rawatan sihir RM175, rawatan saka RM315, rawatan termasuk mandian RM245, rawatan bersih / pagar kawasan, bergantung pada keluasan kawasan dan air penawar RM35 (tiada had). (Fiqrullah, n.d.)

5.4 Pusat Rawatan Terapi al-Mujahid

Menyediakan perkhidmatan merawat masalah gangguan dengan *ruqyah*, bekam Sunnah, bekam sihir, guruh resdung dan suara, kiropratik dan urutan tradisional. (Pusat Terapi al-Mujahid, n.d.)

5.5 Pusat Rawatan al- Qayyum

Menyediakan perkhidmatan seperti perubatan Islam (mendominasi), perubatan tradisional, perubatan alternatif, perubatan komplementari dan Perubatan suplimentari. Antara kaedah rawatan (mengikut prosedur rawatan) pula meliputi Kaunseling dan analisis, Bacaan *ruqyahsyar'iyah*, zikirullah, Doa-doa mustajab dengan azan, pewangi *ruqyahsyar'iyah*, terapi aroma, terapi audio *ruqyahsyar'iyah*, terapi mandian *ruqyahsyar'iyah*, air mineral *ruqyahsyar'iyah* dan teknik rawatan lain (sekiranya perlu). Rawatan jarak jauh pula menggabungkan beberapa ibadah seperti solat hajat, *ruqyahsyar'iyah*, zikirullah dan doa-doa mustajab (jemaah perawat). Kemudian rawatan rumah atau premis perniagaan merangkumi kaunseling dan analisis, azan 4 penjuru, solat hajat (jemaah perawat), bacaan *ruqyahsyar'iyah* (jemaah perawat), zikirullah 1000 kali (jemaah perawat), doa-doa mustajab (jemaah perawat), garam *ruqyahsyar'iyah*, air terapi *ruqyahsyar'iyah* dan air mineral *ruqyahsyar'iyah*. (Pusat Rawatan al-Qayyum, n.d.)

5.6 Pusat Rawatan Alternatif Islam dan Komplementari NISMAD

Pesakit wajib menjalani rawatan 3 kali dalam tempoh 21 (sekiranya pesakit tidak setuju, rawatan tidak akan dilakukan untuk mengelakkan sakit yg ditanggung berulang kembali). Menyediakan beberapa rawatan pertama rawatan strok dengan cara jurus badan, urut strok dan doa air dan garam. Kedua rawatan suami/isteri (lari dari rumah) dengan cara jurus gambar suami dan isteri, urut baju (ikatan gambar suami & isteri) dan doa air, garam dan makanan. Ketiga, pulih perniagaan/ rumah dengan cara doa air, garam & lada hitam dan serta memerlukan benang kuning. Keempat pula, rawatan sakit misteri dengan cara jurus badan serta doa air, garam dan lada hitam. Pesakit juga perlu membawa air dan garam semasa mendapatkan rawatan. Bayaran akan dikenakan kepada pesakit bergantung kepada jenis penyakit dan kaedah rawatan. (Pusat Rawatan Alternatif Islam & Komplementari, n.d.)

5.7 Prawis

Menyediakan perkhidmatan seperti kerasukan histeria, saka, sihir, santau, penunduk, dampingan, isian, kelibat, sakit misteri dan pemulihan rumah atau premis. Kaedah rawatan dimulakan dengan dialog dengan pesakit (untuk mendapatkan gambaran). Sebelum sesi rawatan tamat, pesakit akan diberi nasihat dan panduan tertentu

bagi mengekalkan tahap kesihatan pesakit. Kemudian pesakit berlunjur diatas lantai dan perawat duduk agak jauh sedikit dari belakang pesakit. Proses mengeluarkan zat-zat jahat dari tubuh pesakit tanpa memegang mana-mana anggota tubuh pesakit. (dalam keadaan tertentu sentuhan harus dilakukan sekadar perlu untuk meredakan sakit yang dirasakan pesakit dengan keizinan keluarga). Segala penyakit yang melibatkan enapan zat-zat jahat/sihir yang berada didalam badan pesakit akan dikeluarkan secara kerohanian. Mana-mana makhluk halus yang mengganggu pesakit secara rasukkan akan dimunculkan seterusnya, rundingan akan dilakukan oleh perawat sehingga makhluk halus mahu meninggalkan tubuh pesakit. Terakhir, pesakit memerlukan air masak atau mineral (untuk diminum) dan air mutlak (mandian) sebagai perantara rawatan berterusan semasa pesakit berada dirumah. Diwajibkan setiap pesakit membawanya semasa berkunjung ke PRAWIS. (PRAWIS, n.d.)

5.8 Pusat Terapi Syifa'

Pelbagai perkhidmatan yang disediakan di Pusat Terapi Syifa' ini. Pertama, rawatan Aura Seri. Rawatan Aura Seri ini menggunakan ayat suci al-Quran al-Syifa yang dibacakan kepada pesakit. Khasiat rawatan aura seri ini ialah dapat menyingkirkan segala aura negatif pada badan, tenang fikiran, menambah keyakinan diri, fokus pada kerjaya, perniagaan, menyerikan wajah, meringankan jodoh, menyembuhkan santau, sihir dan saka. Pesakit yang inginkan rawatan ini perlu membawa 9 biji limau nipis dan 9 kuntum bunga Ros. Bayaran yang dikenakan sebanyak RM50. Kedua, rawatan sihir pengasih dengan menggunakan terapi al-Quran. Bayaran adalah dengan seikhlas hati pesakit. Ketiga, rawatan santau. Pesakit perlu membawa air mineral 5liter satu botol dan satu botol madu untuk terapi al-Quran. Bayaran adalah seikhlas hati. Keempat, rawatan sihir pemisah rumah tangga juga bayaran seikhlas hati. Dirawat dengan terapi al-Quran. Perkhidmatan kelima, rawatan buang susuk. Pesakit perlu membawa sesikat pisang emas. Bayaran adalah dengan seikhlas hati.

Berikutnya adalah rawatan sihir pelalau juga dibayar seikhlas hati dan dirawat dengan terapi al-Quran. Ketujuh, rawatan buang ilmu salah. Dirawat juga dengan terapi al-Quran dan pesakit boleh membayar seikhlas hati. Rawatan kelapan iaitu pulih kerjaya atau perniagaan dengan terapi al-Quran. Untuk merawat sihir jerut, pasangan yang datang perlu membawa daun bidara 50 helai untuk sesi terapi al-Quran. Juga dibayar dengan seikhlas hati. Rawatan gila meroyan, buang saka turut dirawat dengan terapi al-Quran

serta dibayar seikhlas hati. Gangguan jin di rumah atau tempat kerja bayaran yang dikenakan RM200 termasuk kos perjalanan.

Ini merupakan senarai ayat *ruqyah* yang dibacakan pada pesakit, selawat syifa, al-Fatehah, al-Baqarah : ayat 1-5, al-Baqarah : ayat 102, al-Baqarah : ayat 163-164, al-Baqarah (ayatul kursi), al-Baqarah : ayat 285-286, Ali-Imran : ayat 18-19, al-'Araf : ayat 117-122, Yunus : ayat 81-82, al-Isra': ayat 82, Toha : ayat 69, al-Mukminun : ayat 115-118, as-Soffaat: ayat 1-10, ar-Rahman : ayat 33-36, al-Hasyr : ayat 21-24, al-Jin : ayat 1-9, al-Ikhlash, al-Falaq dan surah an-Naas. (Rawatan Islam, Rawatan Sihir, Rawatan Santau, saka & Aura Seri di Shah Alam, n.d.)

5.9 Pusat Rawatan Islam Manarah

Antara kaedah yang digunakan seperti kebersihan zahir dan batin, sembahyang sunat Taubat dan sunat Hajat, pukulan dan ketukan secara perlahan-lahan dengan ranting kayu yang kecil dari pokok buah nona, tepukan tapak tangan secara perlahan-lahan, tekanan hujung ranting kayu nona yang digunakan mengetuk, memukul atau tekanan ibu jari tangan yang lain atau menggunakan biji lada hitam, limau nipis atau bawang besar, tarikan kulit tubuh atau anggota pesakit, picitan bahagian-bahagian tertentu tubuh pesakit dengan tangan, melumurkan anggota yang akan dirawat dan sesudah dirawat dengan air cuka yang telah disebatikan dengan garam halus dan air doa, memandikan pesakit yang telah dirawat dengan air biasa, kemudian dibilas dengan mandian air batu yang dicampur dengan air perahan limau nipis, terakhir disebatikan dengan iringan zikrullah, doa dan bacaan ayat-ayat al-Quran ketika melakukan rawatan yang biasanya dibaca dalam hati atau perlahan-lahan. (Pusat Rawatan Islam Manarah, n.d.)

5.10 Rawatan Islam Kasturi Rawang

Perkhidmatan yang disediakan termasuklah, rawatan alternatif Islam seperti sihir, saka, histeria, berkaitan makhluk halus, membuang ilmu salah, masalah rumahtangga dan keluarga, bekam *tibbal-nabawi* yang mampu menyembuhkan 72 jenis penyakit, rawatan resdung,urut refleksologi,urut tradisional bagi wanita dan menjual wangian kasturi *syifa'*.

Berikut adalah kaedah rawatan yang dilakukan untuk penyakit. Penyakit gangguan perlu membawa 2 hingga 3 botol air mineral 5liter atau 4 hingga 6 botol 1.5 liter, limau nipis atau purut 21 biji, minyak zaitun dan madu asli Tualang, Khaula atau

Al-Syifa'. Rawatan pagar (rumah atau premis) perlu bawa garam kasar 3 bungkus, lada hitam 2 bungkus dan air mineral 3 botol untuk kediaman teres, bagi kawasan yang luas. Untuk rawatan Terapi Aura dan Rawatan Mandi Bunga, pesakit yang datang perlu menyediakan 7 jenis bunga segar seperti Mawar Merah dan Putih, Cempaka Putih dan Kuning, Melur Putih dan Kuning, Bunga Kenanga dan 9 biji limau nipis/ limau purut. Rawatan Terkena Santau, pesakit perlu membawa kelapa muda 1 atau 3 biji yang sudah dipotong atasnya dan seeloknya dipetik dari pokok, air mineral 3 botol, dianjurkan membeli madu Tualang untuk di *ruqyah* dan dianjurkan meminum madu selama 21 hari untuk pemulihan luka dalaman. Bayaran yang dikenakan adalah seikhlas hati pesakit. Pesakit juga akan didedahkan tentang amalan pelindung diri. (Perubatan Islam Kasturi Rawang Selangor, n.d.)

5.11 Darul Jannah

Mengadakan jurus perlindungan bagi diri, rumah tangga, anak-anak dan harta benda cara kebatinan dari jarak jauh. Selain itu mengubati penyakit-penyakit lain secara kebatinan Islam dengan teknik jarak jauh atau dekat seperti buah pinggang, bengkak, sakit sendi, batu karang, kanser rahim, payudara, paru-paru berair, bengkak usus, mata berselaput, jantung berlubang, kanser otak, batu zakar besar, migrain, barah usus, mati pucuk, *thyroid*, lemah jantung dan asma.

Ada juga penyakit yang dirawat dengan menggunakan ubatan sampingan sahaja seperti kencing manis, Dedas, Darah Tinggi, Badang dan Resdung. (Pusat Rawatan Warisan Islam Darul Jannah, n.d.)

5.12 Rawatan Tradisional Cara Islam

Perkhidmatan yang disediakan adalah merawat penyakit yang berkaitan makhluk halus. Kaedah rawatan yang digunakan seperti ayat Quran dan zikir, jurus silat, berdialog dengan Jin, sedutan makrifat tenaga dalaman, mengesan dengan ilmu kebatinan, berdialog secara batin dan mandian air surah Yasin dan Muhammad. Surah dan ayat yang disarankan untuk dibaca seperti Selawat *Syifa'*, Ayat Kursi, Surah al-Baqarah ayat 1 hingga 5 dan 285, Doa haikal, Doa menghindar syaitan, Surah Yunus ayat 81 hingga 82, Surah al-Jin, Surah Taha ayat 69, Surah al-A'raf ayat 1 hingga 11 dan Surah Yunus ayat 18 dan 28. (Rawatan Traditional Cara Islam Sedut Makrifat, n.d.)

5.13 Pusat Rawatan Zadd Assyifa

Perkhidmatan yang disediakan di pusat rawatan ini seperti, gangguan, saka, santau, pulih rumah, ikhtiar jodoh dan zuriat, sakit fizikal dan lain-lain. Kaedah yang digunakan berasaskan *ruqyah syar'iyah*, bekam dan pemakanan Sunnah serta herba tradisional. (Zadd Assyifa, n.d.)

5.14 Perubatan Islam Nur Syifa'

Menjalankan aktiviti memburu jin dan hantu, merawat kes-kes saka dan sihir yang kronik dan memulihkan kerasukan histeria. Selain itu pengisian dan pengijazahan “ibu ilmu gerak” silat dan perubatan warisan sunan kalijaga. (Akademi Perubatan Islam Nur Syifa', n.d.)

5.15 Mohd Baitussyifa'

Antara perkhidmatan yang disediakan seperti buang saka, buang sihir, buang segala jenis gangguan makhluk halus, pulih kedai, rumah, sekolah dan lain-lain, pulih tenaga batin, pulih kanser atau urat saraf. Kaedah rawatan yang digunakan adalah periksa(*scan*), mandi berulang dan minum air yang didoakan. (Buang Saka Rawat Sihir, n.d.)

5.16 Darul Azzikri Baitul Ibadah Pusat Rawatan Islam & Alternatif

Perkhidmatan yang disediakan seperti merawat penyakit yang berkaitan makhluk halus dan merawat ketagihan dadah. Kaedah rawatan yang digunakan seperti rawat menggunakan zikir dan ayat quran (manzil), periksa (*scan*), menangkap makhluk halus dan boleh berinteraksi dengan jin. (Darul Azzikri, n.d.)

5.17 Pusat Rawatan Islam Al-Afiah

Perkhidmatan yang disediakan di pusat ini adalah merawat penyakit misteri seperti saka, santau, sihir dan sebagainya. Kaedah rawatan yang digunakan bagi merawat pesakit seperti kaedah Aura Metafizik dan ayat al-Quran, Kenalpasti aura pesakit melalui penggunaan dan kepekaan tangan. Proses pembersihan secara umum dan setempat bagi tujuan mengeluarkan dan menyahkan aura negatif dari badan pesakit. Pemberian atau pemindahan tenaga aura yang positif kepada pesakit oleh perawat dan air *syifa'* untuk minum dan mandi. (Pusat Rawatan Islam Al-Afiah, n.d.)

5.18 Pusat Rawatan Al-Hidayah

Antara perkhidmatan yang disediakan seperti diagnosis dan periksa (*scan* atau dikenalpasti dengan izin dan hidayah daripada Allah), sakit jasmani atau fizikal, sakit rohani atau spiritual, masalah akhlak atau perubahan sikap dan pemberian ayat al-Quran tertentu untuk diamalkan sebagai pengganti ubat. Kaedah rawatan yang digunakan bagi merawat adalah perawat menyarankan pesakit mengamalkan bacaan al-Quran, berdoa memohon kepada Allah Swt., memperbanyakkan zikir tahlil dan menggunakan air mineral serta madu asli. (Pusat Rawatan Islam Al-Hidayah, n.d.)

5.19 Pusat Rawatan Ruhaniah

Perkhidmatan yang terdapat di pusat rawatan ini seperti merawat asma, badi mayat dan badi haiwan, gangguan emosi dan tidur, gila merian, kayap, Kenan dan kecatatan, Bayi kencing malam, keselamatan diri dan harta benda, ketumbuhan, Segala jenis gangguan spiritual termasuk sihir dan lain-lain. Kaedah rawatan yang digunakan adalah kebatinan dan perubatan, periksa (*scan*) dengan memberi gambar dan nama. (Pusat Rawatan Ruhaniah, n.d.)

5.20 AKRINE (Persatuan Perawat Islam Nur Ehsan Malaysia) Seremban Rawatan Islam Al-Jawhari.

Perkhidmatan yang disediakan seperti bekam, Ghurah Resdung, Urutan urat dan saraf. Kaedah rawatan yang digunakan bagi merawat pesakit dengan menggunakan ayat *ruqyah* dan herba semulajadi dalam rawatan. (AKRINE Seremban Rawatan Islam Al-Jawhari, n.d.)

5.21 Pusat Rawatan Islam At-Tobibi

Antara perkhidmatan di pusat rawatan ini adalah membongkar kejahatan ilmu hitam, sihir, gangguan daripada angkara kejahatan makhluk halus, merawat kehancuran rumah tangga disebabkan khianat, dengki dan sebagainya, santau dan racun, pukau dan benteng diri, saka dan keturunan, histeria, rasuk dan gangguan, susuk dan rawat serta benteng diri, rumah dan harta. Kaedah rawatan yang digunakan seperti ayat suci Al-Quran (*Ruqyah*) sepenuhnya dan menggunakan buah limau nipis, limau purut, garam kasar, lada hitam dan beberapa bahan lagi sebagai rawatan. (Pusat Rawatan Islam At-Tobibi, n.d.)

5.22 Rawatan Islam al-Ansari

Perkhidmatan yang diberikan seperti rawatan gangguan makhluk halus, penyakit barah dan bekam *hijamah*. Kaedah rawatan pula adalah berasaskan doa-doa pilihan daripada ayat-ayat suci al-Quran dan Hadis, beberapa herba pilihan juga digunakan yang bersesuaian dengan penyakit dan pembedahan makrifat. (Rawatan Islam al-Ansari Jengka, n.d.)

5.23 Pusat Rawatan Islam Wan Zawawi

Jenis-jenis rawatan dan tempoh rawatan. Rawatan membuang saka 3 kali rawatan. Terkena sihir dan santau 3 kali rawatan. Gangguan jin 2 kali rawatan. Masalah rumah tangga 3 kali rawatan. Kecurian harta benda 2 kali rawatan. Penyakit kanak-kanak 2 kali rawatan. Kemurungan 3 kali rawatan. Demam 2 kali rawatan. Penyakit barah keturunan 2 kali rawatan. Penyakit gaut 2 kali rawatan. Penyakit karang batu 2 kali rawat. Penyakit sendi dan saraf 2 kali rawatan. Penyakit kulit keturunan 2 kali rawatan. Mandi bunga mempercepatkan jodoh 1 kali rawatan. Masalah anak degil 1 kali rawatan. Penyakit asma 2 kali rawatan. Pagar diri dan pendinding rumah 1 kali rawatan. Pelaris perniagaan 1 kali rawatan dan lain-lain penyakit. (Pusat Rawatan Islam Ustaz Wan Zawawi, n.d.)

5.24 Pusat Rawatan Terapi Al-Quran Darul Hikmah

Jenis perkhidmatan yang disediakan di pusat rawatan ini seperti merawat ilmu hitam, sihir, saka, histeria, santau, gangguan makhluk halus yang menyebabkan seseorang menderita sakit, hilang pekerjaan dan perniagaan merudum. Dikenakan sebanyak RM70 sekiranya berlaku kerasukan atau kes-kes tertentu yang memerlukan masa yang panjang. Terapi ½ jam. Dilakukan oleh *mualij* (perawat) terlatih. Terapi juga perlu dilakukan sebanyak 3 kali. (Pusat Rawatan Terapi al-Quran Darul Hikmah, n.d.)

Setelah diteliti, antara kaedah rawatan yang biasa dilakukan oleh pusat rawatan Islam yang disebut diatas seperti membacakan ayat *ruqyah*, solat-solat sunat, zikir, doa – doa pilihan dan surah-surah amalan, periksa (*scan*) dengan bacaan *ruqyah* atau melalui gambar dan nama, bekam, urutan, jurus badan atau gambar, rawat, pagar rumah, jampi, mandi, analisis, kaunseling, jurus silat, berdialog dengan jin, sedutan makrifat tenaga dalaman, mengesan dengan ilmu kebatinan, berdialog secara batin dan bedah makrifat.

Kemudian antara alatan yang biasa digunakan pula seperti terapi melalui air, madu, garam, cuka, limau, lada hitam ranting halus, bunga, minyak kasturi, minyak zaitun, benang kuning, pisang emas dan herba-herba pilihan.

Jelas dari keterangan di atas bahawa terdapat pelbagai pusat rawatan Islam yang mempunyai pelbagai kaedah dalam rawatan yang dijalankan. Sudah pasti kesemuanya yang disebut di atas dan lain-lainnya mengakui bahawa kaedah yang lakukan menepati akidah dan syariah Islam. Namun kesahihan tersebut perlu diteliti dan dikaji secara mendalam hingga yang *haq* itu jelas dan yang batil itu binasa.

KESIMPULAN

Hasil daripada penelitian awal ini, didapati bahawa perubatan Islam memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Islam. Penyakit-penyakit yang rumit dan sukar diubati oleh perubatan konvensional, menjadikan perubatan komplementari dirujuk, antaranya ialah perubatan Islam. Perkara ini tidak menafikan bahawa perubatan konvensional tidak mampu mengatasi masalah pesakit tetapi sesetengah penyakit berupa gangguan dalaman (spiritual) yang tidak boleh dibukti dengan peralatan dan teknologi yang ada masakini. Oleh kerana itu, perubatan Islam mengambil tempat dalam menangani masalah tersebut. Pada sesetengah keadaan pula kedua-duanya berperanan dalam pemulihan pesakit.

Asas yang digunakan dalam perubatan Islam adalah al-Quran dan hadis Nabi Saw., Selain itu, pengamalan para ulama juga dijadikan rujukan dalam merawat pesakit dan ubat-ubatan yang berkaitan. Malah, para ulama memberi petunjuk-petunjuk yang menguatkan isyarat-isyarat al-Quran dan hadis bagi mengubati penyakit dan menghindarinya. Apa yang jelas, Islam tidak menolak sebarang perubatan selagi tidak bercanggah dengan akidah dan syariat Islam.

Jika dilihat fenomena hari ini, perubatan Islam muncul begitu banyak hingga kita boleh mendapatinya di mana-mana sahaja. Kewujudan pusat-pusat rawatan tersebut didorong oleh permintaan masyarakat Islam yang inginkan pemulihan dengan menggunakan kaedah Islam. Suasana ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam sudah terdedah dengan perubatan Islam yang dikira dapat menggantikan institusi perubatan menerusi pawang, bomoh, dukun dan seumpamanya.

Harapan masyarakat Islam yang tinggi menjulang tersebut menjadi tragedi yang tidak diinginkan dan menyedihkan apabila mendapati sesetengah pengamal perubatan

menggunakan jenama Islam untuk menjual produk dan merawat pesakit dengan menggunakan kaedah yang tidak menepati akidah dan syariat Islam. Malah, ada yang menggunakan kaedah perubatan pawang, dukun, bomoh dan seumpamanya dalam rawatan mereka dengan menegaskan bahawa kaedah tersebut telah diIslamkan dengan hanya menukarkan jampi serapah kepada ayat al-Quran, ada yang menggunakan upacara “menurun” dengan kenyataan bahawa ia adalah spirit ulama terdahulu datang membantu dan pelbagai bentuk lagi.

Apa yang boleh ditegaskan di sini ialah perubatan Islam yang telah wujud dengan kaedah yang jelas ditantang dengan pelbagai unsurluar yang batil hingga menyebabkan masyarakat Islam terpedaya dengan penyamaran tersebut. Perkara ini tidak ketinggalan juga mempengaruhi pengamal-pengamal perubatan Islam yang tersalah langkah dalam pemilihan perubatan Islam yang sebenar.

Antara punca utama berlaku perkara tersebut adalah kurang penelitian dalam memilih rawatan Islam. Akidah yang utuh dan pemahaman syariat yang benar sahaja yang dapat membantu memastikan kesahihannya. Justeru, masyarakat Islam perlu mempertingkatkan kefahaman akidah dan syariah agar tidak mudah terjerumus dalam pemalsuan agama terutamanya dalam bidang perubatan Islam. Para alim-ulama juga perlu menerangkan kepada masyarakat berkaitan bahaya pengamalan yang berunsur syirik dalam rawatan Islam.

RUJUKAN

Qs.. Al-Syu'ara' (26): 80.

Qs.. Al-Baqarah (1): 286.

Qs.. Al-Baqarah (1) :155-156

Qs.. Al-Baqarah (1) : 45-46

Abu Bakar Yang, Abu Bakar Abd Majeed. 1999. *Konsep Dan Operasi Perubatan Islam*. Kuala Lumpur: Publication Information. IKIM.

Ahmad Taha; penterjemah, Ismail Ibrahim. 1992. *Kedokteran Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Bakri, Zulkifli Mohamad. 2011. *Perubatan Alternatif Mengikut Perspektif Islam: Satu Tinjauan*. *Seminar Islam Semasa & Pengislaman Ilmu*. Jabatan Agama Islam Selangor.

Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah. Vol 1 (2): 155-175

Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. 1957. Al-Tibb al-Nabawi. Cairo: Dar Ihya' al-Kitab al-'Arabiyyah.

Amalan Pengubatan dan Perbomohan Menurut Islam. 2012. Jabatan Mufti Melaka.

Asas Rujukan Dalam Bidang Akidah Islam. 2010. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Danial Zainal Abidin. 2015. Perubatan Islam Dan Bukti Sains Moden. Kuala Lumpur: PTS Publishing House Sdn Bhd.

Deuraseh, Nurdeng @ Nurdeen. 2006. Health and medicine in the Islamic tradition based on the book of Medicine (kitab al-tibb) of Sahih al- Bukhari. *Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine*, 5 (9).

Harmy Mohd Yusoff, Syamsul Kamal Abdullah, Rosedian Muhammad, Wan Nor Ainon Wan Abdullah. 2011. Fikah Perubatan. Kuala Lumpur:PTS Millennia Sdn Bhd.

Ismail bin Saad; Abdul Kader Hussain; Mohammed Noor Marahakim; Mohd. Shahimi bin Mustapaha; Nik Abdul Aziz Sulaiman; Qauzi M. Iqbal. 1985. Pengenalan Tamadun Islam Dalam Ilmu Perubatan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

JahidHj. Sidek. 2012. Memahami Asas-asas Penyakit dan Rawatannya Menurut Islam, Seminar Perubatan Islam, Masjid ParitKhodi, Muar, Johor.

Mazni Nawi, AnisahCheNgah. 2011. Skop Kelakuan Buruk Dalam Kod Kelakuan Professional 1987: Satu Analisis Menurut Etika Perubahan Islam. UKM: Penerbit UKM.